

DYNAMOL TABLET

Paracetamol (500 mg, 650 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dynamol Tablet
2. Bagaimana Dynamol Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dynamol Tablet
4. Cara menggunakan Dynamol Tablet
5. Semasa menggunakan Dynamol Tablet
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dynamol Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dynamol Tablet

Ia digunakan untuk melegakan kesakitan seperti sakit kepala, keradangan urat saraf, sakit otot dan sendi, sakit gigi dan demam.

Bagaimana Dynamol Tablet berfungsi

Paracetamol bertindak dengan menghalang penghasilan bahan seperti hormon yang terlibat dalam pelbagai fungsi badan seperti seperti ketegangan dan relaksasi otot, pengembangan dan penyempitan saluran darah, kawalan tekanan darah dan tindak balas keradangan. Ia memberi kesan terhadap otak yang mengawal suhu badan.

Sebelum menggunakan Dynamol Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti kepada Paracetamol atau lain-lain kandungan produk ini.

Penyediaan ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil ubat yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

- Sebelum mula menggunakan Dynamol Tablet

Mengandung dan menyusukan anak

Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Menyusu: Amaun terlalu kecil untuk memudaratkan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dynamol Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Paracetamol tidak boleh diambil secara serentak dengan

- Alkohol
- Cholestyramine (diguna untuk mengurangkan kolesterol)
- Warfarin (menghalang pembekuan darah)
- Metoclopramide atau Domperidone (merawat loya dan muntah-muntah).

Cara menggunakan Dynamol Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dynamol 650 Tablet

Dewasa: 1 tablet

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun: $\frac{1}{2}$ tablet

Dynamol Tablet 500mg

Dewasa: 2 tablet

Kanak-kanak 7 hingga 12 years: $\frac{1}{2}$ - 1 tablet.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil 3 hingga 4 kali sehari. (Tidak lebih daripada 4 dos dalam mana-mana 24 jam melainkan diarah oleh doktor). Gunakan seperti diarah oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dynamol Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan melebihi dos yang disyorkan atau guna melebihi 10 hari kecuali diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan

ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda keracunan Paracetamol adalah loya dan muntah-muntah, diikuti dengan sakit dan nyeri pada bahagian kanan kawasan abdomen di bawah tulang rusuk. Terlebih dos boleh menyebabkan kerosakan hati yang ditunjukkan melalui kekuningan pada kulit dan mata, pendarahan gastro-usus dan paras gula yang rendah dalam darah.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dynamol Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dynamol Tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dynamol Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini perlu digunakan dengan berhati-hati pada orang yang mempunyai masalah hati dan buah pinggang yang terjejas.

Kesan-sesan sampingan

Kesan-sesan sampingan Dynamol Tablet selalunya ringan. Loya, ketidaksesuaian gastro-usus, ruam-ruam dan alergi telah berlaku.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk.

DYNAMOL TABLET

Paracetamol (500 mg, 650 mg)

Simptom-simptom boleh termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam-ruam.

Ini boleh menjadi tanda-tanda untuk keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan dan rujuk bantuan perubatan dengan segera.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dynamol Tablet

- Penyimpanan
Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Lindungi daripada cahaya
Pastikan bekas ditutup rapat

Dynamol 650 Tablet
Simpan di tempat kering di bawah 25°C

Dynamol Tablet 500mg
Simpan di tempat kering di bawah 30°C

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Dynamol 650 Tablet
Tablet berwarna merah jambu
berbentuk bulat, rata, bergaris bertanda “DYNAMOL”

Dynamol Tablet 500mg
Tablet berwarna putih berbentuk bulat, rata, bergaris bertanda “DYNAMOL”

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan-bahan tidak aktif
Dynamol 650 Tablet
PVP-K 90, Carmoisine, Magnesium Stearate dan Corn Starch.

Dynamol Tablet 500mg
PVP-K 90, Magnesium Stearate,
Lactose & Dried Starch

- Nombor MAL
Dynamol 650 Tablet
MAL19990615XZ

Dynamol Tablet 500mg
MAL19910653XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/04/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)040418/00092